

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN BARU BIAN [SELANGAU]

TARIKH : 23 SEPTEMBER 2021 (RABU)

SOALAN

Minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan Parlimen Selangau adalah satu-satunya kawasan Parlimen yang belum mempunyai Kolej Komuniti di Sarawak. Adakah Kementerian merancang untuk membina sebuah Kolej Komuniti di kawasan tersebut.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Pewujudan sesebuah Institusi Pendidikan Tinggi (IPT) amat penting bagi melahirkan modal insan yang seimbang serta menjadi pemangkin kepada pembangunan ekonomi setempat. Dalam hal ini, sebelum sesebuah IPT seperti Politeknik atau Kolej Komuniti dibangunkan, pelbagai aspek seperti pertumbuhan ekonomi, strategi pembangunan negara dan wilayah, keperluan guna tenaga dan kedudukan semasa kewangan kerajaan perlu dipertimbangkan.

Dalam konteks Wilayah Sarawak, pada masa ini terdapat tiga (3) buah Politeknik, iaitu Politeknik Mukah; Politeknik Kuching; dan Politeknik METRO Betong, serta tujuh (7) buah Kolej Komuniti, iaitu Kolej Komuniti Kuching; Kolej Komuniti Mas Gading; Kolej Komuniti Miri; Kolej Komuniti

SOALAN NO: 35

Sarikei; Kolej Komuniti Santubong; Kolej Komuniti Betong; Kolej Komuniti Cawangan Sibu, sedang beroperasi.

Kesemua institusi ini menawarkan pelbagai bidang pengajian Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) di peringkat sijil dan diploma merangkumi program-program akademik yang berdaya saing, iaitu bidang Fesyen dan Pakaian; Teknologi Maklumat; Sistem Komputer dan Rangkaian; Kulineri; Pengembaraan Pelancongan; Teknologi Elektrik; Penyenggaraan Industri; Teknologi Seni Bina; Kejuruteraan Awam; Kejuruteraan Mekanikal; Kejuruteraan Elektrik; Ukur Bahan; Akauntasi; Pengajian Perniagaan; serta Landskap dan Reka Bentuk Dalaman.

Jemaah Menteri dalam mesyuaratnya pada 8 September 2004 bersetuju bahawa pembangunan kolej-kolej komuniti hendaklah berdasarkan keperluan di sesebuah kawasan dan bukannya berdasarkan di setiap daerah atau Parlimen, memandangkan terdapat kawasan yang mempunyai kepadatan rendah. Berdasarkan MyCensus2020, kepadatan penduduk Parlimen Selangau dikategorikan masih rendah, iaitu 7 orang bagi setiap 1 kilometer persegi berbanding purata kepadatan penduduk Sarawak, iaitu seramai 225 orang bagi setiap 1 kilometer persegi.

KPT mengambil maklum dan memberi perhatian terhadap cadangan pembinaan kolej komuniti di Parlimen Selangau seperti yang dicadangkan oleh YB Selangau. Walau bagaimanapun, analisis lanjut tentang keperluan pembinaan kolej komuniti ini termasuk keupayaan kewangan kerajaan serta pertimbangan terhadap aspek-aspek lain seperti yang saya nyatakan tadi akan dibuat terlebih dahulu oleh KPT. Tidak terhad kepada perkara ini, pihak KPT akan dari semasa ke semasa mengambil langkah untuk memperluas akses Pendidikan serta Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) yang secara tidak langsung menyumbang kepada kemajuan sosioekonomi masyarakat di Parlimen Selangau.

Sekian, terima kasih.